

31 JUL 1997

MBM CADANG FORUM PERDANA HAK ASASI MANUSIA

KUALA LUMPUR, 31 Julai (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MBM) hari ini mencadangkan satu Forum Perdana mengenai hak asasi manusia diadakan dengan ucap utama oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden MBM Datuk Suhaimi Ibrahim berkata MBM bersedia mengatur forum itu di Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) dan menyerahkan kepada budi bicara Perdana Menteri untuk menetapkan waktu dan tarikh yang sesuai.

Dalam satu kenyataan di sini, beliau berkata forum itu penting bagi membolehkan semua pemimpin dan anggota masyarakat serta organisasi mendengar sendiri pendapat Dr Mahathir mengenai isu itu.

Suhaimi berkata MBM berharap Amerika Syarikat dan negara Barat lain bersikap terbuka dan menerima pendapat Dr Mahathir dengan baik demi kepentingan sejagat.

Baru-baru ini Perdana Menteri berkata Malaysia mungkin meminta Bangsa-bangsa Bersatu mentakrif semula Deklarasi Hak Asasi Manusia 1948 itu tetapi ia dibantah oleh Amerika yang berpendapat langkah itu akan menjejaskan keberkesanan deklarasi itu.

Suhaimi berkata MBM juga akan mengemukakan usul kepada badan-badan belia antarabangsa supaya memainkan peranan untuk mempengaruhi kerajaan masing-masing menyokong usul Dr Mahathir itu.--BERNAMA

AKT MS MAI